

Gejala buang bayi rentetan masalah sosial, kata Azizah

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com
UB 09.12.2011 A5

KOTA KINABALU: Tidak perlu menafikan wujudnya gejala buang bayi sebaliknya semua pihak harus bersama-sama duduk berbincang dan mencari pendekatan yang serius dan holistik bagi menangani perkara ini.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Azizah Mohd Dun berkata pembuangan bayi sebenarnya adalah masalah yang wujud sebagai rentetan kepada masalah lain pada awalnya.

Katanya, kesembuangan bayi adalah penyakit sosial yang menggambarkan kerapuhan pegangan agama dan ketandusan nilai kemanusiaan masyarakat ketika ini.

Hal demikian, katanya, kerana manusia lebih mengejar keseronokan dunia dan akur kepada nafsu serta perasaan negatif yang ada dalam diri.



CENDERA KENANGAN..Azizah (tengah) menerima cendera kenangan daripada Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Hj Md Mansur disaksikan Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Dr Murnizam Halik (kiri); Pengarah jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah, Datuk Hjh Siti Sapoo Hj Ahok (kanan) dan Setiausaha Tetap Kementerian, Datuk Asnimar Sukardi (dua kanan).

Tambahnya, pergaulan bebas, pengaruh dadah, capaian bahan lucuah yang mudah dan pengaruh rakan

adalah antara punca kepada berlakunya gejala buang bayi.

“Jarang antara kita

membuat analisis terhadap perubahan yang berlaku dalam masyarakat akibat dari proses sosialisasi.

“Sosialisasi merujuk kepada pengaruh keluarga, sekolah, institusi agama, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan politik, pengalaman kerja, media massa dan kumpulan rakan sebaya.

“Sosialisasi inilah yang menunjuk ajar cara untuk bertingkah laku. Nilai-nilai yang dipelajari dari proses sosialisasi ini dinyatakan melalui tindakan dan komunikasi,” katanya.

Azizah berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Semurni Kasih di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS), kelmarin.

Merupakan sebahagian dari Kempen Semurni Kasih sempena Hari Wanita Sedunia, sebuah teater muzikal juga telah dipentaskan pada 1 dan 2 Disember lepas bertemakan ‘Semurni Kasih Ummi.’

Azizah berkata, fenomena pembuangan bayi berlaku disebabkan oleh gadis hamil



PENDEDAHAN.Sebahagian daripada peserta Seminar Semurni Kasih yang diadakan di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS), kelmarin.

luar nikah terbiar sendirian dan tidak mendapat sokongan, kawalan dan bimbingan sehingga mereka melahirkan bayi.

“Ibu ini berkait dengan undang-undang, budaya serta agama yang memerlukan kita mencari penyelesaian yang diterima oleh semua pihak,” katanya.

Kementerian sendiri, katanya, memandang serius perkara itu dan bersedia mendengar pandangan masyarakat bagi membolehkan tindakan bersepadan dibentuk untuk mengatasi permasalahan berkenaan.

“Di bawah Majlis Pembangunan Masyarakat Sabah (MPMS), telah

ditubuhkan Pusat Sukarelawan Sabah (PSS) sebagai landasan untuk generasi muda terlibat dalam program sosial yang berfaedah padamasa lapang,” katanya yang menggesa lebih ramai belia menyertai PSS.

Katanya, isu pembuangan bayi dan pengurangan kemudaratannya yang menjadi tema seminar itu diharap dapat merangsang minda dan pemikiran masyarakat terhadap isu itu.

“Adalah penting untuk kita menyedarkan masyarakat bagi membincangkan isu gadis hamil luar nikah dan kaedah-kaedah yang diperlukan untuk menanganinya secara serius dan holistik,” kata Azizah.